

Malaysia tuan rumah Persidangan WHAT kedua

Oleh NORLIZAH ABAS

KUALA LUMPUR 26 Julai-Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah Persidangan Kesihatan Wanita dan Perubatan Tradisional Asia (WHAT) yang akan berlangsung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Persidangan bermula Jumaat hingga Ahad ini disertai saintis-saintis, pengamal perubatan tradisional dan penentu polisi kesihatan daripada 28 buah negara termasuk Amerika Syarikat (AS), Australia, Nepal, Thailand, Indonesia, China dan India.

Sebanyak 29 kertas kerja akan dibentangkan termasuk daripada penasihat pemakanan kepada dua bekas Presiden AS, Ronald Reagan dan George W. Bush, Dr. Atremis Simopoulus.

Datin Seri Rosmah Mansor berkata, persidangan bertema 'Meningkatkan Tanaman Perubatan Melalui Bioteknologi' itu bakal membuka jalinan kerjasama di antara negara-negara peserta bagi berkongsi kepakaran dalam bidang perubatan tradisional.

Menurut isteri Timbalan Perdana Menteri,

Persidangan itu akan memfokus kepada penemuan saintifik terbaru dan bagaimana ia boleh dimanfaatkan dalam dunia perubatan tradisional

persidangan itu akan memfokus kepada penemuan saintifik terbaru dan bagaimana ia boleh dimanfaatkan dalam dunia perubatan tradisional.

"Kita bukan meniadakan perubatan moden tetapi perubatan tradisional turut terbukti berkesan untuk merawat banyak penyakit," ujar beliau ketika mengumumkan persidangan itu pada sidang akhbar di kediamannya di Langgagak Duta di sini hari ini.

Persidangan kali kedua itu anjuran bersama Perbadanan Herba Malaysia (MHC) dan Jurnal Perubatan Tanaman Tropika (JTMP), satu-satunya jurnal di seluruh dunia yang memberi tumpuan secara eksklusif terhadap penyelidikan tumbuhan tropika dan ia diterbitkan oleh syarikat tempatan, Tropical Botanies Sdn. Bhd.

Rosmah ketika ditanya mengenai penjualan produk berasaskan herba yang semakin berleluasa berkata, pengusaha jamu perlu melampirkan kandungan herba pada botol menggunakan

bahasa Melayu bukannya bahasa saintifik atau bahasa Latin yang menyukarkan orang ramai memahaminya.

Menurut beliau, penggunaan bahasa yang mudah difahami dapat mengelakkan pengguna berasa was-was atau tertipu oleh pihak yang ingin mengaut keuntungan mudah.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Tropical Botanies Sdn. Bhd., Dr. Rajen M selaku penganjur bersama berkata, pihaknya menganggarkan seramai 15,000 pengunjung akan membanjiri PTWC bagi menyertai persidangan itu.

Katanya, antara penyelidikan yang akan dibentangkan termasuk analisis biokimia terhadap genom penduduk bagi mengelakkan tumbuhan herba itu dipaten oleh negara asing.

Menurut beliau, penyertaan pelbagai negara diharap membuka laluan kepada pengusaha-pengusaha produk herba tempatan menembusi pasaran antarabangsa.



ROSMAH Mansor (kanan) bersama Or. Rajen M pada sidang akhbar mengumumkan Persidangan WHAT di Kuala Lumpur, semalam.